

Headline **Reaksi**
 Date **16 Oct 2010**
 MediaTitle **Utusan Malaysia**
 Section **Dlm Negeri**
 Journalist **N/A**
 Frequency **Daily**
 Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
 Page No **17**
 Article Size **476 cm²**
 Color **Full Color**
 ADValue **9,408**
 PRValue **28,223**



Reaksi

BAJET 2011 adalah bajet yang bersifat 'Mesta Hartanah' mampu menjadi pemangkin dalam merancang dan menjana industri hartanah negara. UDA akan bergerak seiring bagi melonjakkan industri hartanah selaras dengan hasrat mempertingkatkan pemilikan hartanah golongan muda dan rakyat berpendapatan rendah."
- DATUK JAAFAR ABU HASSAN
 Pengarah Urusan UDA Holdings Bhd.

KAMI teruja dengan langkah proaktif kerajaan dalam memastikan pelaburan di kawasan-kawasan pertumbuhan baru dan juga komitmen mereka di dalam menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan. Saya berpendapat Bajet 2011 adalah satu perkongsian wawasan di antara semua rakyat Malaysia bagi memastikan kejayaan ekonomi negara."
- TAN SRI MEGAT ZAHARUDDIN MEGAT MOHD. NOR
 Pengerusi Maybank

BAJET 2011 adalah bajet berhemah dan praktikal, yang menyaksikan penguksuhan fiskal secara beransur-ansur diteruskan dan pada masa sama memastikan momentum pertumbuhan tahun ini dikekalkan sehingga 2011."
- DATUK SERI ABDUL WAHID OMAR
 Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank

BAJET 2011 ini begitu kritikal dalam hasrat menjadikan negara ekonomi berpendapatan tinggi dan bakal menghidupkan kembali pelaburan swasta dan memperkasakan pembangunan modal insan dalam negara."
- DATUK TAJUDDIN ATAN
 Pengarah Urusan Kumpulan RHB

TELEKOM Malaysia Bhd. (TM) komited memberikan sokongan kami kepada inisiatif-inisiatif yang digariskan dalam bajet ini dan akan terus memainkan peranan kami sebagai peneraju dan pembekal jalur lebar terkemuka Malaysia ke arah mencapai aspirasi negara."
- DATUK SERI ZAMZAMZAIRANI MOHD. ISA
 Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TM

PERKEMBANGAN kereta hibrid di Malaysia amat memerlukan sokongan kerajaan dan kami percaya ia akan menjadi satu kenderaan yang mampu dimiliki oleh semua golongan suatu hari nanti. Perodua juga menyokong sepenuhnya usaha kerajaan untuk menghapuskan duti eksais kereta nasional untuk golongan kurang upaya."
- DATUK AMINAR RASHID SALLEH
 Pengarah Urusan Perodua

BAJET 2011 adalah pragmatik kerana ia mencari keseimbangan antara keperluan merangsang ekonomi domestik dan memastikan perkembangan ekonomi terjamin dalam persekitaran mencabar."
- TAN SRI DR. TEH HONG PIOW
 Pengerusi Public Bank Bhd.

SAYA menyambut baik cadangan kerajaan memansuhkan 50 peratus duti setem untuk rumah pertama berharga kurang daripada RM350,000 kerana

ia mampu mengurangkan harga rumah sehingga RM3,000."
TAN SRI LEONG HOY KUM
 Pengarah Urusan Mah Sing Group Bhd.

OCBC Bank yakin kerajaan mampu mencapai sasaran pertumbuhan KDNK lima peratus hingga enam peratus tahun ini jika semua perancangan dijalankan lancar."
- JEFFREY CHEW
 Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif OCBC Bank (M) Bhd.

NOKIA menyambut baik keputusan kerajaan untuk menghapuskan 10 peratus cukai untuk semua jenis telefon mudah alih."
- VLASTA BERKA
 Pengurus Besar Nokia Singapura, Malaysia dan Brunei

BAJET 2011 mampu menyokong usaha kerajaan untuk menuju ke arah negara berpendapatan tinggi dengan sektor swasta memainkan peranan penting. Kami juga menyokong usaha kerajaan untuk mengurangkan kadar jenayah untuk meningkatkan kualiti dan keselamatan hidup rakyat melalui beberapa langkah yang telah diambil melalui Bajet 2011."
- NAFIS JASMANI
 Pengurus Axis Communications di Malaysia

PERUNTUKAN RM119 juta dan pemotongan beberapa jenis cukai terhadap industri ICT untuk tempoh dua tahun mampu melorjatkan perkembangan industri berkenaan dengan pantas. Melalui insentif seperti ini kami yakin industri mampu melahirkan produk ICT yang lebih berkualiti dan mampu dimiliki pada masa depan."
BASHEER ALI MAJEED
 Pengurus Jualan Red Hat Asia Pasific di Malaysia

BAJET 2011 menyediakan negara untuk menghadapi ketidaktentuan ekonomi global dan kerajaan mengambil semua peluang yang ada tanpa mengabaikan komitmen terhadap rasionalisasi fiskal."
- DATUK MOHD. NAJIB ABDULLAH
 Pengarah Urusan Kumpulan MIDF

KAMI memuji Bajet 2011 yang diumumkan kerajaan kerana memberi ruang yang lebih luas kepada pembangunan telekomunikasi yang diakui menjadi tulang belakang kepada pembangunan negara. Penghapusan cukai jualan telefon mudah alih juga merupakan langkah bijak kerajaan dalam usaha menggalakkan rakyat menggunakan teknologi terkini menerusi Internet."
- TAN SRI RAINER ALTHOFF
 Pengerusi Nokia Siemens Networks Malaysia

PERUNTUKAN sebanyak RM411 juta bagi tujuan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) bakal merancakkan pembangunan industri berteknologi tinggi tempatan dan menyediakan persekitaran ekonomi berasaskan inovasi."
- DATUK ABDUL WAHAB ABDULLAH
 Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya MIMOS Bhd. (MIMOS)

KAMI memuji komitmen kerajaan di dalam pembangunan Teknologi Hijau dan usaha mengurangkan penghasilan gas karbon. Pemanjangan tempoh pengecualian cukai import dan eksais kenderaan hibrid juga harus dipuji."
- GEOFFREY BRISCOE
 Pengarah Urusan BMW Group Malaysia

KAMI menyokong usaha kerajaan untuk meningkatkan pembangunan teknologi hijau dengan melanjutkan pengecualian cukai terhadap industri berkenaan dalam Bajet 2011. Industri Teknologi hijau di Malaysia masih rendah dan kebanyakan usahawan tempatan masih di peringkat awal untuk menceburinya, oleh itu sokongan kerajaan sangat diperlukan."
- SCOTT MORRIS
 Pengarah Urusan ASEAN NetApp